



**SURAT PERMAKLUMAN  
BILANGAN: 05/2020**

**SESI PENGAJIAN AKADEMIK BAGI TAHUN 2020/2021 DAN SESI ORIENTASI  
PENGAMBILAN PELAJAR-PELAJAR BARU BAGI SESI PENGAJIAN AKADEMIK  
BAGI TAHUN 2020/2021**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Salam Sejahtera**

1. Surat permakluman ini adalah merujuk kepada Kenyataan Media Kementerian Pendidikan yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa Sidang Media COVID-19 pada hari Selasa, 16 Jun 2020 mengenai dengan Pengembalian Operasi Pengajaran Dan Pembelajaran Sekolah-Sekolah Rendah, Menengah Dan Pusat-Pusat Tingkatan Enam Peringkat Ke-2; dan juga kepada Surat Permakluman Politeknik Brunei bilangan: 03/2020 mengenai Pemberitahuan Kepada Orang Ramai Mengenai Perancangan Politeknik Brunei bagi Status Peperiksaan Akhir Semester, Pengambilan Pelajar-Pelajar Baru Sesi Akademik / Pengajian 2020-2021, Sesi Orientasi 2020-2021 dan Majlis Konvokesyen Susulan Pandemik Covid-19 bertarikh 22 Syaaban 1441 / 16 April 2020.
2. Sehubungan dengan itu, Politeknik Brunei ingin memaklumkan bahawa:

**Pelajar-Pelajar Pengambilan ke-8 dan ke-9**

- i. Sesi pengajian akademik Semester 3 (bagi pengambilan ke-9) dan Semester 5 (bagi pengambilan ke-8) termasuk pelajar yang mengulang bagi tahun 2020/2021 akan **bermula pada Hari Isnin, 13 Julai 2020.**

Pengajaran dan pembelajaran tersebut akan dibuat secara ***Blended Teaching and Learning*** iaitu

- menghadiri kuliah (*face-to-face*) secara berjadual dan secara atas talian (*online*) melalui *PB Learning Management System (LMS)* yang sedia ada, sejajar dengan Revolusi Industri 4.0,
- kaedah-kaedah pembelajaran teknologi secara atas talian (*online*) yang bersesuaian. Jadual pembelajaran tersebut akan dikongsisamakan kepada pelajar oleh pensyarah dan sekolah masing-masing.

### **Pelajar-Pelajar Pengambilan ke-10**

- ii. Sesi orientasi pengambilan pelajar baru bagi pengambilan ke-10 sesi pengajian akademik 2020/2021 adalah **bermula pada Hari Isnin, 6 Julai 2020 hingga Hari Khamis, 16 Julai 2020**, mengikut nombor pendaftaran pelajar dan jadual yang disediakan oleh pihak Urusetia Orientasi tersebut. Untuk maklumat terkini mengenai jadual sesi orientasi tersebut, sila layari laman sesawang rasmi Politeknik Brunei di alamat <http://www.pb.edu.bn> dan media sosial rasmi iaitu Instagram Politeknik Brunei @politeknikbrunei.
- iii. **Sesi pengajian akademik pelajar-pelajar baru bagi pengambilan ke-10 sesi pengajian akademik 2020/2021 akan bermula pada Hari Isnin, 20 Julai 2020**. Semua pelajar adalah dikehendaki untuk hadir sepenuhnya di kuliah dan kelas masing-masing mengikut jadual yang telah diaturkan.

### **Perkhidmatan Bas**

- iv. Bagi pelajar yang menggunakan perkhidmatan bas ulang alik dari Kampus Utama Politeknik Brunei, Bandar Seri Begawan ke Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Kampus Lumut, pihak Politeknik Brunei melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar telahpun menghantar emel permakluman mengenai tatacara pendaftaran memohon penggunaan perkhidmatan bas di mana perlu dihadapkan ke syarikat yang telah dipilih mengikut tarikh yang ditetapkan. Pembayaran bagi perkhidmatan bas hendaklah dibuat terus ke syarikat bas yang telah dipilih.
3. Sukacita dimaklumkan bahawa semua warga Politeknik Brunei termasuk pelajar dan juga pelawat ke Politeknik Brunei **adalah dikehendaki untuk:**
- Mengimbas Kod QR (keluar dan masuk) dengan menggunakan aplikasi BruHealth yang terdapat di pintu masuk setiap aras (*level*) bangunan-bangunan Politeknik Brunei. Sila pastikan semua maklumat kesihatan diisikan dengan betul dalam aplikasi BruHealth sebelum pengimbasan. Sebarang pengisian maklumat palsu boleh diambil tindakan di bawah Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Penggagal 204) dan Perintah Akta Penyakit Berjangkit Penggagal 204 (Pindaan) 2020.
  - Mendapatkan pemeriksaan suhu badan dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh pihak Politeknik Brunei dari semasa ke semasa.
  - Pelajar adalah dinasihatkan untuk menggunakan penutup hidung dan mulut (*face mask*) pada setiap waktu apabila berada di bangunan / kampus Politeknik Brunei.
  - Pelajar adalah dinasihatkan untuk membawa *hand sanitisers* masing-masing untuk digunakan sepanjang waktu pengajian di Politeknik Brunei.

- Semua warga Politeknik Brunei termasuk pelajar adalah tidak digalakkan untuk mengadakan aktiviti sosial seperti mengadakan perbincangan beramai-ramai di lokasi-lokasi dalam bangunan Politeknik Brunei seperti di perpustakaan, bilik perbincangan, bilik kuliah, kantin dan sebagainya. Adalah digalakkan bagi perbincangan tersebut digantikan secara atas talian (*online*) melalui kaedah-kaedah teknologi yang bersesuaian.
4. Sukacita **diingatkan** kepada semua warga Politeknik Brunei termasuk pelajar untuk sentiasa mematuhi segala nasihat-nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa dan memastikan keselamatan dan kesihatan masing-masing dengan:
    - Menjaga kesihatan;
    - Menjaga kebersihan diri (*Personal Hygiene*);
    - Mengamalkan penjarakan sosial (*Social Distancing*); dan
    - Jika sakit dan mengalami tanda-tanda demam panas atau jangkitan pernafasan seperti batuk, selesema dan kesukaran bernafas, adalah dinasihatkan untuk menghubungi Talian Kesihatan 148 dan seterusnya mendapatkan pemeriksaan kesihatan dengan segeranya. Pelajar adalah dikehendaki untuk memaklumkan pensyarah / *Group Coordinator (GC)* masing-masing mengenai keadaan kesihatan diri, jika tidak sihat dan tidak dapat hadir ke kuliah pada jadual yang ditetapkan.
  5. Perkara-perkara yang disampaikan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan mengikut perkembangan situasi pandemik COVID-19 di negara ini dan nasihat pihak berkuasa dari semasa ke semasa.
  6. Bagi sebarang maklumat terkini, sila layari laman sesawang rasmi Politeknik Brunei di alamat <http://www.pb.edu.bn> dan Instagram rasmi Politeknik Brunei @politeknikbrunei.

Sekian untuk makluman bersama mengenainya.

Rujukan : PB/PGH/PK/1  
Tarikh : 11 Zulkaedah 1441 / 02 Julai 2020